



JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI JABATAN PERDANA MENTERI

ARAS 7, SETIA PERDANA 3, KOMPLEKS SETIA PERDANA,
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA
E-mel : upa_dccomm@jpm.gov.my Tel : 603 8872 7239



SIARAN MEDIA

J-KOM BERI KEFAHAMAN MENGENAI KELUARGA MALAYSIA KEPADA KOMUNITI SUKU TEMIAR

KUALA KANGSAR, 3 OGOS – Seramai 350 penduduk Orang Asli dari Suku Temiar Kampung Beswok, Sg. Siput (U), Perak disantuni dalam Program Suara Keluarga Malaysia dan Gegar Komuniti yang merupakan program yang menemukan komuniti di peringkat akar umbi dengan pemimpin tempatan dan pegawai kerajaan dalam usaha memberi kefahaman kepada komuniti mengenai aspirasi Keluarga Malaysia dan menyuburkan partisipasi rakyat dalam amalan demokrasi yang lebih matang.

Menurut Ketua Pengarah J-KOM, YBhg. Dato' Dr. Zuraidi bin Ishak, program ini merupakan wadah untuk jabatan memberi kefahaman kepada komuniti di pelbagai peringkat mengenai konsep Keluarga Malaysia yang bermatlamat supaya rakyat berbilang kaum dan merentasi agama seluruh negara dapat terus mengamalkan hidup bersatu padu dalam satu keluarga besar berasaskan tiga teras utama iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Program ini juga dirangka bagi menemukan pemimpin tempatan dengan pemimpin Kerajaan bagi mengenal pasti isu-isu setempat dan mendengar sendiri keluhan mereka untuk diangkat kepada pengetahuan pucuk pimpinan negara. Di samping itu, melalui program ini, komuniti juga mendapat maklumat yang sahih, terkini dan tepat menerusi sesi perkongsian ilmu yang turut diselitkan dalam program tersebut. Dalam masa yang sama, dakyah yang tidak benar yang berlegar dalam masyarakat khususnya melalui media sosial juga dapat diperjelaskan.



JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI JABATAN PERDANA MENTERI

ARAS 7, SETIA PERDANA 3, KOMPLEKS SETIA PERDANA,
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA
E-mel : upa_dccomm@jpm.gov.my Tel : 603 8872 7239



“Bagi memenuhi fungsi jabatan dalam membangunkan komuniti yang berbudaya ilmu, berkemahiran digital dan berjiwa patriotik, program sebegini dilaksanakan untuk memudahkan proses pertukaran idea antara pihak Kerajaan, pemimpin tempatan dan komuniti di peringkat akar umbi dan dalam masa yang sama, sebagai sebuah jabatan yang baru, kami juga berusaha memperoleh data komuniti setempat supaya jabatan kami dapat membangunkan komuniti dengan turut melibatkan mereka dalam usaha pembangunan negara”, ujar YBhg. Dato’ Dr Zuraidi bin Ishak dalam ucapannya di Kampung Beswok.

Dalam menjayakan program ini, J-KOM berkolaborasi bersama-sama rakan strategik iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Program dua (2) hari ini turut menyelitkan program mesra komuniti yang mengetengahkan pelbagai aktiviti sukan rakyat seperti pertandingan menyempit, menganyam, memarut ubi kayu, mewarna, persahabatan bola sepak tujuh sebelah dan pertandingan karaoke.

Turut hadir dalam program ini adalah Encik Harulnizam bin Abd Rahman, Pengarah JAKOA Negeri Perak dan Kedah dan Encik Daud Anjang, Tok Batin Orang Asli Kampung Beswok.

###

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI**

3 OGOS 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Perhubungan Awam di talian 03-8872 7239 atau e-mel ke upa_dccomm@jpm.gov.my